

09 SEP 1999

Mahathir-Generasi

GENERASI AKAN DATANG PENENTU KEMERDEKAAN, KATA PM

BANGI, 9 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata generasi akan datang menjadi penentu sama ada kemerdekaan Malaysia akan dapat terus dikekalkan ataupun sebaliknya.

Perdana Menteri bagaimanapun yakin bahawa sebagaimana generasi sekarang, generasi akan datang tidak rela melihat Malaysia dijajah semula.

"Sebab itu generasi akan datang perlu tahu tentang keadaan sebenar dalam negara kita dan perlu bertanggungjawab kepada negara supaya kita akan merdeka selama-lamanya, jika tidak, percayalah kita akan dijajah semula," katanya semasa berucap kepada ribuan pelajar pelbagai universiti awam dan swasta di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini hari ini.

Beliau berkata percubaan ke arah menjajah negara ini telah dibuat dan ia hampir-hampir berjaya.

"Tetapi kita berjaya menangkisnya kali ini. Apakah kita akan berjaya untuk menangkis percubaan untuk menjajah kita semula pada masa depan bergantung bukan kepada generasi yang ada sekarang tetapi generasi saudara-saudari sekalian," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia kini mencapai banyak kemajuan dan ramai orang mengenali negara ini yang pernah membantah dan mengingkari nasihat pihak asing, tetapi kerajaan telah membuktikan ia tahu mentadbir negara dan sebab itulah Malaysia masih menjadi sebuah negara yang bebas.

Katanya ada negara yang membenarkan orang asing menentukan dasar ekonomi dan politiknya.

"Tetapi di Malaysia kita sendiri menentukan tidak ada orang lain yang berhak campur tangan dalam urusan rumah tangga kita.

"Kita rela disingkir rakyat tetapi kita tak rela melihat pemimpin asing walaupun dari sebuah negara besar datang dan memberi tahu rakyat untuk menjatuhkan pemimpin. Kalau kita benarkan, orang asing akan kuasai politik negara kita, kita tidak bebas lagi, tidak merdeka lagi dan kita akan dijajah sepenuhnya", katanya.

Dr Mahathir memberi contoh bagaimana sebuah negara yang bersemangat dan berbangga dengan kemerdekaan mereka terpaksa tunduk kepada semua pihak setelah diletakkan di bawah kuasa asing.

Mengulas bagaimana kerajaan menangani kegawatan ekonomi pada peringkat awal, Dr Mahathir berkata beliau tidak bersetuju dengan kaedah pemulihan ekonomi yang dilaksanakan mengikut kaedah Dana Kewangan Antarabangsa (IMF).

Katanya setelah dilaksanakan untuk beberapa waktu, ia terbukti bukan cara memulihkan ekonomi negara kerana dalam jangka masa pendek ekonomi negara menjadi lebih buruk.

Perdana Menteri berkata kerajaan kemudiannya mengubah strategi untuk memulihkan ekonomi yang akhirnya diakui sebagai cara terbaik untuk menjana semula pertumbuhan ekonomi negara.

Dr Mahathir yang berucap hampir sejam turut mengimbas pengalaman hidupnya semasa penjajahan British, Jepun dan Siam.

Menurutnya beliau benar-benar memahami erti hidup semasa dijajah iaitu yang bermakna kehinaan yang tidak terhingga.

"Sebab itu saya lebih menghargai kemerdekaan daripada orang yang tidak pernah dijajah. Kemerdekaan tidak bermakna jika tidak ada perubahan ke arah kemajuan," katanya.

Perdana Menteri berkata selepas kemerdekaan kerajaan memberi tumpuan kepada usaha memperluaskan institusi pendidikan dengan memberi peluang pelajaran kepada semua kaum terutamanya Melayu selepas menyedari tahap

kemajuan antara kaum di negara ini tidak sama.

Menurutnya penguasaan ilmu penting kerana ia membolehkan kaum yang tertinggal di bawah naik ke atas.

Dr Mahathir menasihatkan pelajar khususnya Bumiputera supaya menggunakan sepenuhnya institusi dan peluang pendidikan yang disediakan supaya dapat mengejar kaum lain.

Katanya sebab itulah kerajaan bersedia membelanjakan wang yang banyak untuk mewujudkan universiti di negara ini dan jika dibandingkan dengan universiti di negara-negara yang mencapai kemerdekaan pada waktu yang sama ia adalah jauh lebih baik.

Beliau berkata kerajaan bukan sahaja turut memperuntukkan biasiswa tetapi juga memberi subsidi kepada semua penuntut IPT.

Katanya yuran yang dibayar hanyalah satu per sepuluh daripada perbelanjaan universiti dan ini menunjukkan kerajaan sanggup memberikan subsidi kepada pelajar universiti tanpa mengira kaum.

Dr Mahathir berkata pelajar perlu menumpukan terhadap penguasaan ilmu dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

"Kalau kita ada ilmu yang cukup ia bukan sahaja dapat mewujudkan sebuah negara yang baik, malah tidak dapat tidak orang lain akan menghormati kita," katanya.

-- BERNAMA

TEAM NMO